

CNS7577

U GB 01-11 00151 BB540

BAH

PERTUMBUHAN TINGGI EKONOMI TIDAK NAIKKAN KADAR INFLASI

Del anj awan - Reaksi

KUALA LUMPUR, 1 Nov (Bernama) -- Keputusan kerajaan untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi negara yang tinggi tidak akan mendatangkan kesan inflasi kerana langkah-langkah mengawal inflasi telah diambil, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata, ketika berusaha untuk mengekalkan kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi, kerajaan pada masa yang sama mengawal inflasi dengan menaikkan kadar cukai, mengenakan kadar faedah dan mengurangkan jumlah pinjaman.

Ragamaimanapun perkara yang terpenting ialah orang ramai mesti memahami bahawa inflasi berpunca daripada permintaan mereka sendiri, katanya kepada pemberita ketika dimintai mengulas Rslanjawan 1992, di bangunan Parlimen, di sini.

+Jika mereka tidak mahu inflasi, mereka perlu berbelanja mengikut kemampuan masing-masing, katanya.

Perdana Menteri yang menganggap bahawa belanjawan itu sebagai satu belanjawan yang baik berkata, belanjawan tersebut telah dibincangkan secara mendalam oleh kabinet. -- Lagi.

♥01/11/19-24MST

CNS7608

U GB 01-11 00133 BBS42

RAM

Belanjawan - Reaksi. 2 Kuala Lumpur

Datuk Seri Dr Mahathir juga berkata, kerajaan terpaksa mendapatkan hasil daripada syarikat-syarikat ber taraf perintis kerana setiap kali pelaburan dari luar negeri dibuat, kerajaan terpaksa membelanjakan wang untuk menyediakan kemudahan infrastruktur.

+Apa yang kita buat adalah bukan mengenakan cukai yang tinggi tetapi hanya untuk membiayai pembangunan yang diperlukan untuk pelaburan. Saya percaya pelabur asing tidak akan terganggu kerana dasar ini, katanya.

Mengenai levi yang dikenakan terhadap pekerja asing, Perdana Menteri berkata, ia bertujuan menentukan pekerja tempatan tidak dibayar kurang daripada pekerja asing dan pembayaran itu dibuat oleh pihak majikan.

Selain itu, pekerja asing juga perlu membayar kemudahan infrastruktur yang mereka gunakan, menurutnya.

Kerajaan mengambil pekerja asing kerana kekurangan tenaga pekerja di negara ini, jelas beliau. -- Lagi.

♥01/11/20-15MST

U GB 01-11 00141BB543

RAH

Belanjawan - Reaksi 3 Kuala Lumpur

Untuk itu juga kini, kerajaan memberi keutamaan kepada industri yang menggunakan modal tinggi, berteknologi canggih dan menggunakan tenaga pekerja yang terlatih, katanya.

Apabila ditanya mengenai kadar pengangguran di negara ini yang berbeza antara maklumat kerajaan dan Rank Dunia, Perdana Menteri berkata, ini kerana Rank Dunia mengira mereka yang bekerja sambil sebagai mereka yang mempunyai pekerjaan manakala kerajaan pula tidak mengira golongan tersebut sebagai mereka yang mempunyai pekerjaan.

Kerajaan menjangkakan kadar pengangguran berkurangan kepada 5.6 peratus akhir tahun ini, manakala Rank Dunia menyat akan kadar pengangguran negara ini ialah 3.4 peratus.

Sementara itu, Timbalan Perdana Menteri, Encik Ghafar Baba berkata, Belanjawan 1992 sebagai satu belanjawan yang boleh mengawal inflasi dan menyakinkan rakyat.

Katanya, belanjawan itu juga membolehkan rancangan-rancangan pembangunan diteruskan bagi mencapai Wawasan 2020. --Lagi.

♥01/11/20-16MST

U GB 01-11 00128 BB544

RAH

Belanjawan - Reaksi 4 (Akhir) Kuala Lumpur

Malah ia dapat meringankan beban mereka yang berpendapatan rendah dan memberi peluang kepada lebih ramai rakyat negara ini memiliki rumah mereka sendiri, tambahnya.

Beliau berkata, cukai yang dikenakan dalam belanjawan kali ini tidak membebankan rakyat, hanya mereka yang berpendapatan tinggi dan orang atasan sahaja yang terpaksa membayar cukai lebih sedikit.

Tambahnya, levi yang akan dikenakan ke atas pekerja asing tidak akan menjadi penghalang untuk mereka berkerjaya di negara ini dan menaikkan kos pembangunan.

Beliau berkata, belanjawan itu juga telah membuktikan bahawa negara kini sedang menujukkan arah menjadi sebuah negara perindustrian, kerana kini negara lebih memerlukan industri yang menggunakan teknologi tinggi daripada industri yang menggunakan sumber manusia yang tinggi. -- Bernama.

♥01/11/20-18MST

U GB 01-11 00161 BB546

BAH

Relanjawan - Reaksi 5 Kuala Lumpur (Sambungan Berita Awal)

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik berkata, belanjawan itu yang memberi penekanan kepada industri berteknologi tinggi dan pemansuhan cukai pembangunan pada tahun 1993 akan mewujudkan suasana pelaburan yang lebih baik.

Datuk Seri Dr Lim, yang juga Menteri Perusahaan Utama berkata, belanjawan itu juga merupakan belanjawan untuk semua pihak, terutamanya bagi mereka yang berpendapatan rendah seperti pengurangan duti semest terhadap pembelian rumah kos rendah.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, yang juga Menteri Pengangkutan, memuji Menteri Kewangan yang sensitif kepada keadaan rakyat terutamanya yang berpendapatan rendah.

Manakala Presiden MIC, Datuk Seri S. Samy Vellu mengucapkan tahniah kepada Datuk Seri Anwar kerana mengadakan belanjawan yang baik bertujuan membendung perbelanjaan besar dan mencari punca-punca kewangan.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz berkata, belanjawan kali ini menunjukkan kerajaan lebih memilih dalam menarik pelabur ke negara ini. --Lagi.

♥01/11/20-15MST

CNS7668

U GB 01-11 00150 BB547

BAH

Belanjawan - Reaksi 6 Kuala Lumpur

Katanya, kerajaan telah menjalankan beberapa ka j ian semula mengenai perindustrian di negara ini," termasuk cukai taraf perintis 100 peratus yang akan hanyadiberikan kepada pro j ek yang mempunyai kriteria t ertentu.

+Sehubungan it u , kementeriankini sedang merumuskan kriteria-kriteria tersebut dan juga sedang menghalusi senarai projek dan kegiatan ekonomi yang digalakkan di bawah tar-af perintis itu,+ tambahanya.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, beliau yakin ekonomi negara akan terus berkembang pada tahap lebih tujuh peratus yang dirancang mengikut Dasar Pembangunan Negara (DPN) .

Inikerana adanya dasar-dasar kerajaan yang terus memberi galakan kepada sektor swasta dan mengurangkan kerenah birokrasi, katanya.

Beliau puas hati dengan peruntukan \$2,810 juta kepada Kementerian Pertahanan, iaitu pertambahan 12.8 peratus daripada tahun 1991, bagi membolehkan kementerian membeli alat ganti dan penyelenggaraan aset-aset seperti i kenderaan, kapal dan pesawat bagi Angkatan Tentera.-- Lagi.

♥01/11/20-56MST

CNS7670

U GB 01-11 00145 BB548

BAH

Belanjawan - Reaksi 7 Kuala Lumpur

Menteri Delia dan Sukan, Senator Annuar Musa pula berkata, secara kessluruhannya belanjawan bagi tahun depan amat menarik dan dapat memperkukuhkan lagi perkembangan ekonomi yang sememangnya sedang berkembang kepada tahap yang membanggakan.

Presiden Parti Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah bimbang cukai perkhidmatan lima peratus yang diperluaskan kepada para profesional seperti peguam akan dit anggungi orang ramai .

Katanya, para prof esional akan mengenakan cukai ini kepada pelanggannya dgn yang akan merasa bebanan ini ialah mereka yang menggunakan perkhidmatan guaman kst ika membeli rumah.

Mengenai cukai rokok dan minuman keras yang telah dinaikkan, beliau berkata, barang-barang ini memang men j adi+permainan+bagi menteri kewangan apabila mahu mcambahkan pendapatan.

Anggota PBS, Encik Maidom Pansai berharap peruntukan yang diberikan kspada agensi-agensi di Sabah hendaklah disalurkan' terus kepada Kerajaan Negeri dan bukan melalui Pegawai Pembangunan Persekutuan. -- Lagi.

♥01/11/20-59MST

CNS7672

U GB 01-11 00106 BB549..

RAH

Belanjawan - Reaksi 8 (Akhir) Kuala Lumpur

Anggot a DAP , Dr Tan Seny Giaw berkata, belanjawan yang dibentang menuniukkan kerajaan masih belum dapat mengambil langkah-langkah tegas untuk mencegah inf lasi.

Beliau bagaimanapun bersetuju dengan langkah kera jaan menaikkan cukai import rokok dan minuman keras, kerana ini dapat mewujudkan sebuah masyarakat Malaysia yang cergas dan sihat.

Bekas Ment eri Kewangan, Tun Daim Zainuddin berkata, belanjawan yang dibentang Datuk Seri Anwar adalah baik dan mengikut keadaan ekonomi sekarang.

liatanya, Datuk Seri Anwar telah mengenal pasti masalah ekonomi yang dihadapi negara sekarang dan berusaha mengatasinya melalui strategi belanjawan yang dibtangkannya itu. -- Bernama.

♥01/11/21-00MST